



buletin **Mutiara**

PERCUMA



www.buletinmutiara.com

16 – 30 NOVEMBER 2014



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

IDIKAN & MENJANA KEMAJUAN DEMI DEPAN & KESEJAHTERAAN RAKYAT

- Mendapat pujian dalam Laporan Ketua Audit Negara berhubung kemampuan Kerajaan Negeri mengubah anggaran defisit RM262.04 juta dalam Belanjawan 2013 kepada lebihan RM1.3 juta. Surplus dicapai setiap tahun sejak 2008.
- Kumpulan Wang Disatukan mencecah RM1.29 bilion pada tahun berakhir 31 Disember 2013, kenaikan RM100 juta atau 8.4% berbanding 2012 - merupakan simpanan tertinggi pernah dicapai.



Meningkatkan Taraf Kesihatan Rakyat

- Sedang berusaha membuka Pusat Dialisis CAT di Daerah Seberang Perai Utara di dalam kawasan Masjid At-Taqwa, Bertam.
- Memperkenalkan pemasangan 'Mosquito Magnet' di beberapa lokaliti wabak yang kronik di negeri ini membabitkan Taman Perai Jaya di daerah Seberang Perai Tengah dan Tingkat Paya Terubong di daerah Timur Laut.



Membangun Masyarakat Berpengetahuan

- Bercadang supaya *High Speed Broadband* dipasang menerusi mekanisme sehenti.
- Menambah lagi hotspot WiFi percuma daripada 1,550 hotspot kini kepada 3,100 dalam tempoh 3 tahun akan datang.



Pertanian Sebagai Perniagaan

- Memperuntukkan RM6.16 juta untuk pembangunan sektor pertanian di Pulau Pinang.
- Program Tabung Usahawan Tani Muda (skim mikrokredit) diteruskan dengan sumbangan sebanyak RM250,000.
- RM1.6 juta disediakan bagi kesinambungan pemberian bantuan pukat pantai dua kali setahun kepada 2,981 nelayan berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia seluruh Pulau Pinang.



BAJET 2015



Program Sosial, Kebajikan Wanita, Keluarga & Masyarakat




- Bercadang menukar kaedah pemberian Agenda Ekonomi Saksama (AES) daripada bentuk *Unconditional Cash Transfers* kepada *Conditional Cash Transfers*.
- Peruntukan RM60 juta bagi membiayai program-program kebajikan rakyat.

Pengiktirafan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam

- Memberi ganjaran RM15,000 kepada setiap Jabatan yang memperoleh penarafan 4 bintang.
- Pemberian bonus setengah bulan gaji lagi untuk tahun 2014 dengan minimum RM700 dibayar pada Disember tahun semasa 2014.
- Pemberian bonus sebanyak RM300 kepada guru-guru dan penyelia KAFA, bonus pada kadar RM300 (guru Sekolah Menengah Agama Rakyat dan Sekolah Cina Persendirian), RM200 (guru Sekolah Tahfiz, Sekolah Pondok dan TADIS).
- Pemberian bonus pada Disember 2014 dijangka menelan belanja sebanyak RM5 juta.
- Bersetuju menaikkan eluan kehadiran mesyuarat JKKK daripada RM30 sekali mesyuarat kepada RM40 bermula Januari 2015. Kenaikan bakal melibatkan pertambahan sebanyak RM0.46 juta. Keseluruhannya, untuk pembiayaan pengurusan 294 JKKK bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM6.36 juta.

Belia dan Sukan



- Untuk mempromosikan sukan dalam kalangan rakyat, selain peruntukan disediakan untuk membina baru, menaiktaraf dan menyelenggara kompleks serta kemudahan sukan, sejumlah RM6.84 juta diperuntukan.

Sultan Brunei mencemar duli ke Konvokesyen USM

Teks & Gambar: AHMAD ADIL MUHAMAD

BAYAN LEPAS – Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah selamat berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) bagi menghadiri Upacara Konvokesyen Universiti Sains Malaysia (USM) Ke-50 di sini baru-baru ini.

Keberangkatan tiba baginda disambut Raja Perlis merangkap Canselor USM, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A.

Hassan (Pengerusi Lembaga Gabenor USM) serta pegawai-pegawai kanan daripada Kerajaan Malaysia.

Turut mengiringi baginda adalah dua pegawai dan 26 anggota Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Sungai Ara.

Bacaan doa selamat turut dibacakan Pengarah Pusat Transformasi Insan, Ustaz Datuk Elias Zakaria sebelum baginda menaiki kenderaan menuju ke Hotel Shangri-La.

Pada sidang pertama majlis konvokesyen tersebut, baginda menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang yang disampaikan sendiri Tuanku Syed Sirajuddin pada sidang yang berlangsung di Dewan Tuanku Syed Putra USM.

Pulau Pinang merupakan destinasi pertama dalam sesi lawatan kerja tiga hari baginda ke Malaysia.

KETUA MENTERI merafak sembah terhadap Sultan Hassanal Bolkiah (kiri sekali) pada keberangkatan tiba baginda di negeri ini.



KEBERANGKATAN tiba Sultan Hassanal Bolkiah (barisan tengah, kiri) disambut Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail (barisan tengah, kanan) di LTAPP di sini baru-baru ini.

Sepak Takraw acara baru Sukan SUK P. Pinang



KETUA MENTERI, Farizan Darus (tiga dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan kontinjen negeri pada temasya Sukan SUK Se-Malaysia Ke-5.



Ahli-ahli Pengakap negeri terima pengiktirafan

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

PENGIKTIRAFAN... Kira-kira 130 ahli-ahli Pengakap Pulau Pinang menerima pingat pada Majlis Penganugerahan Bintang dan Pingat Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) 2014 di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas merangkap Penaung Persekutuan Pengakap Malaysia.

Barisan penerima diketuai Datuk Yahaya Ahmad yang cacat penglihatan. Beliau dianugerahkan Pingat Bintang Semangat Rimba Emas sebagai penghargaan dan mengenang sumbangannya dalam aktiviti pasukan beruniform berkennaan.

Pada majlis sama, turut dianugerahkan Pingat Pengakap Diraja kepada Ahli-ahli Pengakap Sekolah membabitkan 68 pelajar dari tahun 2010 hingga 2012 dan 58 pelajar (2011 hingga 2014).

Turut hadir, Timbalan Yang di-Pertua Pengakap Negara, Datuk Dr. Aziz Jamaludin Mohd. Tahir.



DR. Abdul Rahman Abbas (kanan) memakaikan Pingat Bintang Semangat Rimba Emas kepada Yahaya Ahmad pada Majlis Penganugerahan Bintang dan PPM 2014 di sini baru-baru ini.

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar: NAZLEEN NAJEEB

GEORGE TOWN – Sepak Takraw diperkenalkan sebagai acara baru dalam temasya Sukan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Se-Malaysia Ke-5 yang berlangsung di Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dalam ucapannya berharap langkah itu akan memartabat lagi mutu persembahan sukan sepak takraw tanah air, terutama di peringkat antarabangsa.

"Jika kita lihat pencapaian negara kita hari ini dalam sukan sepak takraw sedikit mengecewakan bahkan kini, kita (Malaysia) bukan lagi menjadi satu kuasa besar dalam sukan ini.

"Sehingga Korea Selatan yang dahulunya tidak pandai bermain sepak takraw sudah mampu mengalahkan pasukan negara.

"Diharap sumbangan kecil seperti ini sedikit-sebanyak mampu memupuk minat generasi sekarang dalam mempertahankan sepak takraw," katanya semasa merasmikan majlis tersebut di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti), Danny Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan) serta timbalan-timbalan SUK negeri bertanding lain turut menyertai majlis perasmian tersebut.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya turut memberitahu bahawa kredibiliti Pulau Pinang sebagai pengajar sukan tidak pernah dipertikai susulan pelbagai acara bertaraf antarabangsa telahpun berlangsung di negeri ni sebelum ini.

Menurutnya, Kejohanan Angkat Berat Komanwel (2009), 25th Chinese Basketball Invitational Tournament (2009), 3- Nation Charity Ride (2009), IWF International Club Grand Prix & Junior Commonwealth Championship (2010), Asian Individual

Squash Championship (2011), 37th Man and 17th Women World Junior Weightlifting Championship, Commonwealth Senior, Junior & Youth and World Master Cup Weightlifting Championship 2013 (2013), dan terbaru, World Woman Squash Championship 2013 (2013) merupakan antara kejohanan peringkat antarabangsa yang pernah dilangsungkan di negeri ini.

"Usaha untuk membangunkan bidang sukan di Pulau Pinang telah dibuktikan dengan negeri ini diberi kepercayaan untuk menjadi pengajur kejohanan sukan bertaraf antarabangsa," ujar beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng turut mengalu-alukan 1,300 atlet yang menyertai kejohanan berkaitan untuk menikmati pelbagai makanan enak serta melancong ke kawasan-kawasan menarik di negeri ini.

Sukan SUK diadakan secara dwi tahunan sejak 2004 susulan cadangan Kerajaan Negeri Melaka dan Pulau Pinang yang sepatutnya menjadi tuan rumah pada tahun 2008 dipilih sebagai pengajur pada tahun ini.

Selain Sepak Takraw yang baru diperkenalkan, acara lain yang turut dipertandingkan adalah badminton, bola sepak, ping pong, bola jaring, golf dan boling.



SEBAHAGIAN atlet wanita yang berentap.

Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Mesyuarat Kedua Penggal Kedua DUN Ke-13.

Rizab tunai RM1.29 bilion, surplas 2013 RM1.3 juta

GEORGE TOWN - Kejayaan Kerajaan Negeri mencapai surplas sebanyak RM1.3 juta sehingga tarikh 31 Disember tahun lepas sungguhpun Bajet 2013 menganggarkan defisit kewangan berjumlah RM262.04 juta mendapat pujian daripada Laporan Ketua Audit Negara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kumpulan

Wang Disatukan Kerajaan Negeri mencecah RM1.29 bilion bagi tahun berakhir 31 Disember 2013, iaitu kenaikan sebanyak 8.4 peratus berbanding tahun sebelumnya, iaitu merupakan simpanan tertinggi pernah dicapai.

"Ini bermakna Kerajaan Negeri meneruskan rekod belanjawan lebihan atau surplas untuk setiap tahun sejak 2008," ujarnya semasa membentangkan bajet Kerajaan

Negeri 2015 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Beliau turut menyanggah dakwaan pembangkang kononnya dua pencapaian tersebut adalah berpunca daripada amalan tadbir urus kewangan secara 'kedekut' oleh Kerajaan Negeri.

"Sebenarnya Kerajaan Negeri membelanjakan RM832.42 juta pada tahun 2013, berbanding



KETUA MENTERI menunjukkan salinan Bajet 2015 negeri Pulau Pinang sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri selepas selesa pembentangannya di sini baru-baru ini.

perbelanjaan berjumlah RM540.08 juta (2012).

"Kerajaan Negeri hanya berjimat cermat kerana tidak mahu pemborosan, pembaziran, di samping membendung penyelewengan dalam pengurusan kewangan," kata beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah,

Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 telahpun mengagihkan lebih RM192.98 juta hasil negeri secara langsung dan tunai kepada rakyat terpilih.

KN perkenal kaedah kawal harga sejuk pasaran hartanah

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Moratorium penjualan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah dari tempoh lima tahun kepada 10 tahun daripada tarikh pembelian pertama diamalkan Kerajaan Negeri sejak tahun lepas lagi demi menyelukkan pasaran hartanah di negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, moratorium atau penggantungan atau penangguhan sesuatu kegiatan jual beli secara persetujuan bersama itu turut dilaksanakan ke atas perumahan jenis mampu milik dalam tempoh lima tahun dari tarikh pembelian pertama.

"Fenomena (hartanah membelon) ini bukan sahaja di Pulau Pinang, tetapi di kawasan bandar utama di Malaysia, iaitu Kuala Lumpur, Selangor dan juga Johor.

"(Pun begitu,) Kerajaan Negeri sahaja

melalui bajet tahun dahulu memperkenalkan beberapa kaedah mengawal harga rumah atau menyelukkan pasaran hartanah," ujarnya pada sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Ucapan penggulungan itu sekaligus menjawab pertikaian pihak Pembangkang Pulau Pinang kononnya hartanah perumahan di negeri sahaja melambung naik hatta tidak mampu dibeli oleh rakyat.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat berkata, Kerajaan Negeri turut mengawal kenaikan harga rumah dengan menetapkan harga siling mengikut garis panduan Pusat.

Menurut Jagdeep, harga siling seunit rumah berkeluasan 750 kaki persegi di bahagian pulau dan Seberang Perai masing-masing ditetapkan tidak melebihi RM200,000 dan RM150,000.

Tambah beliau, harga siling seunit

rumah berkeluasan 850 kaki persegi di bahagian pulau dan Seberang Perai masing-masing ditetapkan tidak melebihi RM300,000 dan RM200,000.

Manakala harga siling seunit rumah berkeluasan 900 kaki persegi di bahagian pulau dan Seberang Perai masing-masing ditetapkan tidak melebihi RM400,000 dan RM250,000.

"Satu mekanisme mengawal kenaikan harga rumah iaitu penetapan siling harga untuk perumahan mampu milik (termasuk rumah kos rendah dan sederhana rendah).

"Ini berlainan sama sekali dengan agensi persekutuan seperti JKP Sdn. Bhd. dan PERDA (Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang) yang membina unit-unit perumahan dengan harga yang mencecah RM1.85 juta di kawasan pulau dan Seberang Perai (RM575,000), yang dikatakan adalah perumahan mampu milik," jelas Jagdeep.

Bonus setengah bulan gaji diberi lebih awal, Disember ini

GEORGE TOWN - Ketua Menteri mengumumkan bonus setengah bulan gaji dengan kadar minimum RM700 yang sepatutnya diberikan kepada kakitangan Kerajaan Negeri mulai tahun depan akan dibayar lebih awal pada bulan Disember depan, bersekali dengan bonus serupa yang telahpun diluluskan dalam Bajet 2014.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pemberian bonus lebih awal diharap dapat menampung keperluan perbelanjaan tambahan pada akhir tahun seperti kelengkapan sesi persekolahan anak-anak dan sebagainya.

"(Kerajaan Negeri) memutuskan untuk membayar bonus pada bulan Disember 2014 dan bukan pada Januari 2015 sepertimana keputusan Kerajaan Persekutuan.

"Keseluruhannya, pemberian bonus Kerajaan Negeri kepada perkhidmatan awam dalam tahun 2014 ialah bersamaan satu bulan gaji, selepas setengah bulan duit raya (bonus telahpun diberikan)," ujarnya semasa membentangkan Bajet 2015 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata, bonus RM300 turut akan diberikan kepada guru-guru dan penyelia Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) pada bulan Disember ini.

Tidak cukup dengan itu, beliau memberitahu, bonus RM200 turut diberikan kepada setiap guru sekolah tahfiz, sekolah pondok dan Tadika Islam (TADIS).

Menurut Guan Eng, pemberian bonus keseluruhannya menelan belanja RM5 juta.



DUN Pulau Betong, Muhamad Farid Saad (tiga dari kiri) memperkatakan sesuatu kepada rakan-rakan seperjuangan beliau ketika persidangan ditangguhkan.



WAKIL-wakil media tekun melaporkan perkembangan terkini sesi persidangan.

Klik Buletin

KM perjelas punca PDC ditegur Laporan Ketua Audit Negara 2013

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberi penjelasan mengenai prestasi tadbir urus Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang disebut kurang memuaskan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 baru-baru ini.

Laporan itu menyebut daripada 31 projek diuruskan PDC Setia Urus (PDSCU), lapan perjanjian tidak disediakan, perjanjian lewat ditandatangani (2) dan perjanjian telah tamat tempoh selama setahun (1).

"Semua perjanjian dalam antara syarikat induk (PDC) dengan anak syarikatnya (PDSCU), dan ini bukanlah membabitkan pihak ketiga (luaran)," ujarnya kepada wartawan baru-baru ini sambil memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan berusaha memperbaiki kelemahan tersebut kelak.

Pengurus Besar PDC merangkap Pengurus PDSCU, Datuk Rosli Jaafar turut menyertai sidang media tersebut di Dewan

Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Guan Eng turut menjelaskan bahawa kesemuanya lima Akaun Penyelenggaraan Bangunan (APB) berwajib telahpun dibuka susulan ditegur dalam laporan tersebut.

Katanya, sebanyak 17 projek perumahan diurus PDSCU yang mencatatkan kerugian RM2.74 juta bagi tempoh 2011 hingga 2013 sebenarnya berpunca daripada aktiviti pembiayaan kos penyelenggaraan perumahan-perumahan sedia ada berwajib.

"Ini boleh dianggap sebagai CSR (tanggungjawab sosial korporat) kerana caj penyelenggaraan yang dikenakan terlalu rendah dan banyak yang tidak dibayar oleh penduduk.

"Apabila penghuni tidak mahu bayar atau caj penyelenggaraan yang terlalu rendah sampai RM12 (sebulan), tak cukup untuk kos penyelenggaraan 17 projek perumahan yang diserahkan kepada PDSCU, maka berlakulah kerugian.

"Bagaimanapun, untung bersih terkumpul

tiap-tiap tahun (sehingga 2012), kita (PDC) masih untung walaupun PDSCU rugi kerana biaya CSR untuk 17 projek tersebut," jelas beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menjelaskan mengenai teguran Laporan Ketua Audit Negara 2013 negeri yang menyebut sehingga bulan Disember 2013, caj perkhidmatan tertunggak belum dijelaskan pemilik bangunan bagi projek komersial Komtar dan projek perumahan adalah berjumlah RM25.37 juta.

"Caj terlalu rendah pun tak dapat kutip dan jangan fikir untuk menaikkan harga lah...tunggakan berjumlah RM25.37 juta kerana masalah mereka tak bayar," katanya.

Bagaimanapun, Guan Eng berkata, Laporan Ketua Audit Negara 2013 negeri menyebut bahawa Audit berpendapat, walaupun keuntungan tahun 2012 menurun, namun, kedudukan kewangan PDSCU adalah masih berada di tahap memuaskan kerana keuntungan terkumpul menunjukkan peningkatan pada setiap tahun.

Projek rumah mewah PDC cecah RM3.5 juta diluluskaan era BN – KM

GEORGE TOWN - Pemajuhan 163 unit rumah mewah oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di D'Residence Bayan Mutiara dekat Bayan Baru yang berharga antara RM800,000 hingga RM3.5 juta diluluskan pada 5 Oktober 2006, iaitu semasa Kerajaan Negeri masih di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberi penjelasan demikian susulan kenyataan Ketua Pembangkang Pulau Pinang, Datuk Jahara Hamid yang menuju Kerajaan Negeri hari ini melalui PDC turut membina rumah mewah mele过asi harga siling RM400,000 di atas tanah yang diambil daripada rakyat untuk tujuan perumahan awam.

"Memang ada PDC bina rumah berharga RM3.1 juta, tetapi ini dibina semasa era Kerajaan BN dahulu...masa itu kita (Pakatan Rakyat) belum lagi jadi Kerajaan.

"Walaupun projek D'Residence ini siap pada tahun 2010, tetapi semua kelulusan siap diluluskan sebelum tahun 2008.

"Ini (projek D'Residence) dibuat di bawah pemerintahan anda (Barisan Nasional) dan semasa anda (Jahara) menjadi Exco (Kerajaan Negeri)," ujarnya kepada wartawan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC) turut menyertai sidang media tersebut.

Difahamkan, fasa satu D'Residence menawarkan 113 unit rumah mewah antara

RM880,000 hingga RM3.5 juta, manakala, baki 50 unit lain di bawah fasa dua ditawarkan antara harga RM1,403,750 hingga RM3,140,900.

Direkodkan, permohonan pelan perancangan pembangunan projek tersebut dibuat pada 3 Mac 2005 dan diluluskan pada 5 Oktober 2006 lagi.

Kuatkuasa kerja pula direkodkan bermula pada 21 Mei 2007 dan siap sepenuhnya ada 14 Februari 2010.

Dalam pada itu, Rosli turut memberi penjelasan mengenai seunit rumah di bawah projek Intan Delima dekat Bandar Cassia, Batu Kawan yang ditawarkan sehingga RM306,000, iaitu kadar melebihi harga siling perumahan mampu untuk kawasan Seberang Perai.

"Harga sebenar rumah itu sepatutnya RM149,000, tetapi satu unit itu sahaja dijual pada harga RM306,000 kerana (membabitkan) tanah tambahan yang lebih di situ," jelas Rosli kepada wartawan.

Terdahulu, Jahara yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri

(ADUN) Teluk Air Tawar seakan cuba menggambarkan pentadbiran Guan Eng ghairah meluluskan projek rumah mewah, hatta tidak mampu dimiliki oleh rakyat terbanyak.

Guan Eng dalam reaksi spontan berkata, harga siling rumah mampu milik di pulau dan Seberang Perai masing-masing ditetapkan pada kadar RM400,000 dan RM250,000, sebagaimana digarisikan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Malah, Guan Eng turut mempersoal Lembaag Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) membina rumah mewah mencecah harga RM1.85 juta di atas tanah dekat Teluk Kumbar, yang diambil daripada rakyat untuk tujuan perumahan awam.

"JKP sepatutnya tidak untung sampai RM150 juta untuk 15 projek jika benar-benar bina rumah awam, kerana Kerajaan Negeri dianggarkan rugi antara RM500 juta hingga RM800 juta dalam rancangan pembinaan 22,575 rumah awam di negeri ini," tegas Guan Eng.

Rekod MIDA bukti tadbir urus ekonomi PP kini lebih cemerlang

GEORGE TOWN - Pelaburan Domestik Langsung (DDI) Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN) dalam tempoh tahun 2002 hingga 2007 direkodkan berjumlah RM5,669.61 juta berbanding RM12,995.47 juta yang berjaya dikutip dalam tempoh tahun 2008 hingga tahun lepas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Pelaburan Asing Langsung (FDI) Kerajaan Negeri era Barisan Nasional dalam tempoh tahun 2002 hingga 2007 pula berjumlah RM15,426.13 juta berbanding RM27,054.94 juta yang diperoleh kini dalam tempoh 2008 hingga 2013.

"Peningkatan (DDI) sebanyak 129.21 peratus dalam tempoh enam tahun sekarang berbanding tempoh sama di bawah Kerajaan Barisan Nasional (Negeri) dulu.

"Selain itu, peningkatan 75.38 peratus FDI juga telah dicapai oleh Kerajaan Negeri hari ini dalam tempoh sama," ujarnya pada sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Guan Eng berkata, semua statistik yang dikemukakannya itu berdasarkan rekod rasmi Lembaag Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), sekaligus menolak

Gerai roboh tidak dibina semula di tepi jalan - Exco

GEORGE TOWN - Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kini tiada perancangan untuk membina gerai penjaja baru di tepi jalan, manakala, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pula hanya giat menaiktaraf kompleks makanan yang sedia ada.

Beliau berkata demikian susulan gesaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Sr. Mohamad Farid Saad supaya membina semula gerai yang telahpun dirobohkan di tepi jalan yang sesuai.

"Mana-mana penjaja tanpa lesen yang (menerima) notis akan diberikan keutamaan untuk memasuki kompleks makanan MPPP.

"MPPP pula mengadakan temuduga terbuka setiap bulan bagi pengisian ruang niaga majlis yang masih kosong.

"Keutamaan diberikan kepada penggerai yang telah diambil tindakan atau yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan, seperti notis dan kompaun," ujarnya pada sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Kon Yeow memberitahu, MPPP dalam tahun ini direkodkan merobohkan lima gerai tanpa kelulusan di Paya Terubong dan satu gerai di Jalan Sultan Azlan, manakala, 18 gerai haram lain dirobohkan oleh MPSP.



EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berjabat tangan dengan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim sebelum bermulanya persidangan.



Klik Buletin



ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer (berdiri, kiri sekali) berbual mesra dengan barisan pemimpin BN pada sesi penangguhan persidangan DUN.

Exco perjelas status 12 projek rumah lima daerah

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) giat membina 22,545 unit rumah mampu milik di bawah 12 projek pemajuan meliputi lima daerah di negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Pembangunan, Jagdeep Singh Deo berkata, 12 projek pemajuan itu antaranya di Jalan SP Chelliah, Teluk Kumbar, Jelutong, Pintasan Cecil, Fasa 4 Bandar Cassia, Kampung Jawa, Ampang Jajar, Bukit Mertajam, Juru, Mak Mandin dan Ujung Batu.

“Sejak tahun 2008 hingga 2014, pihak swasta membina 12,471 unit perumahan kos rendah, kos sederhana rendah (7,608) di lima daerah negeri ini.

“Kerajaan Negeri juga meluluskan 3,796 unit rumah kos rendah dan 5,246 kos sederhana rendah untuk juga dibina di lima daerah Pulau Pinang,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang media di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang. (Rujuk lampiran 1).

Penjelasan Jagdeep adalah



JAGDEEP Singh Deo menunjukkan senarai projek PR1MA yang disiarkan di dalam media perdana baru-baru ini.

sebagai respons pada tuduhan Ketua Pembangkang DUN Pulau Pinang merangkap ADUN Teluk Air Tawar, Datuk Jahara Hamid yang menyebut Kerajaan Negeri langsung tidak membina rumah mampu milik sejak tahun 2008.

Justeru, Jagdeep menegaskan bahawa Pembangkang Pulau Pinang dinasihatkan supaya tidak terus dalam sindrom penafian susulan rancangan Kerajaan Negeri untuk membina rumah kos rendah (KR), kos sederhana rendah (KSR) dan rumah mampu milik (RMM) di negeri ini, sungguhpun mendapat reaksi dingin daripada Putrajaya.

Dalam perkembangan sama, Jagdeep turut mencabar Kerajaan Pusat menunjukkan bukti mengenai rancangan projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) pada tahun 2012 yang kononnya akan dimajukan di kawasan Bukit Gelugor, Air Itam dan Balik Pulau.

“Kerajaan pusat perlu buktikan kesahihan projek PR1MA ini jika mereka benar-benar ikhlas mahu menolong penduduk Pulau Pinang memiliki rumah.

“Mereka perlu menyatakan secara hitam putih lokasi dan perancangan projek secara

Lampiran 1.

Pembinaan RKR, KSR & RMM oleh Kerajaan Negeri Melalui PDC dalam tempoh terdekat : -

Projek yang sudah bermula pada tahun 2013 : -

Nama Projek	Daerah	Status pembinaan
Fasa 1 Bandar Cassia	Seberang Perai Selatan (SPS)	Sejak tahun lepas

Projek yang bakal dimulakan : -

Nama Projek	Daerah	Status pembinaan
Teluk Kumbar	Barat Daya (BD)	Hujung 2014
SP Chelliah	Timur Laut (TL)	Hujung 2014
Fasa Empat Bandar Cassia	SPS	Hujung 2014
Kampung Jawa	Seberang Perai Utara (SPU)	Hujung 2014

Nama Projek	Daerah	Status pembinaan
Jelutong	TL	Bermula 2015
Pintasan Cecil	TL	Bermula 2015
Sandilands	TL	Bermula 2015
Fasa Tujuh Bandar Cassia	SPS	Bermula 2015
Ampang Jajar	SPU	Bermula 2015
Mak Mandin	SPU	Bermula 2015
Bukit Mertajam	SPT	Bermula 2015

Nama Projek	Daerah	Status pembinaan
Juru	SPS	Bermula 2016
Ujung Batu	SPU	Bermula 2016
Baki Projek Bandar Cassia	SPS	Bermula 2016

Pembinaan RKR & yang telah siap : -

Nama Projek	Daerah	Status pembinaan (Tahun)
Taman Cempedak	SPU	2008
Halaman Kenanga	TL	2011

terperinci bagi melaksanakannya,” (RM575,000). tegasnya.

Katanya, Kerajaan Negeri bersedia menyediakan tanah kepada JKP dan PERDA jika projek yang mereka ingin bangunkan adalah terdiri dari KR, KSR dan RMM bagi membantu rakyat Pulau Pinang memiliki rumah mereka sendiri,” ujar beliau.

Roboh Pasar Awam Balik Pulau selepas dijustifikasi bukan bangunan warisan - Exco

GEORGE TOWN – Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, langkah merobohkan Pasar Awam Balik Pulau dilakukan selepas Jabatan Warisan Negeri menjustifikasikan ia sebagai bukan bangunan warisan.

“Pasar di lokasi sedia ada ini asalnya dibina pada tahun 1914.

“Bagaimanapun, ianya telah diubahsuai dan mengalami perubahan serta pemajuan semula yang ketara.

“Oleh itu, dipersetujui bangunan ini boleh dirobohkan,” ujarnya pada sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Menurut Kon Yeow, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dalam proses menyediakan surat penyataan hasrat (RFP) untuk projek pemajuan di atas tapak lama pasar awam

berkenaan.

“Berdasarkan draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau), tapak pasar ini dicadangkan sebagai pusat sivik.

“Pemajuan berkonsep *cultural tourism* atau *cultural market*...sebagai mempromosi produk agrikultur serta mengekalkan aktiviti jual beli,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Tambah beliau, isi parkir serta tempat letak kereta Pasar Awam Balik Pulau adalah salah satu kawasan pasar yang telah diwartakan di bawah Sistem Letak Kereta baharu mulai 1 Januari 2014.

Terdahulu, ADUN Pulau Betong, Sr. Mohamad Farid Saad mempertikai langkah perobohan Pasar Awam Balik Pulau yang didakwa sebagai bangunan warisan kerana dibina pada tahun 1914.

Exco jangka Pelan Induk Tebatan Banjir siap April 2015

GEORGE TOWN – Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, penyediaan Pelan Induk Tebatan Banjir bakal dicadangkan adalah melibatkan penyelesaian berstruktur dan bukan struktur bermula Mei lepas dan dijangka siap 30 April tahun depan.

“Kajian ini bakal menyediakan pelan jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir dan sistem saliran yang menyeluruh merangkumi aspek kawalan kuantiti serta kualiti, garis panduan kerja-kerja tanah, mengenalpasti kawasan mudah banjir, pelan aras platform mengelakkan banjir kilat dan melaksanakan beberapa projek impak besar di kawasan yang kerap terjadinya banjir.

“Penyelesaian secara struktur adalah melibatkan pembinaan komponen kerja juruteraan seperti rumah pam, pintu air, mendalam dan melebarkan sungai serta sistem saliran sekitar bandar George Town dan kawasan-kawasan terlibat seperti di Sungai Jelutong, saliran Taman Minden

Height, naiktaraf sistem saliran Jalan Macalister serta saliran di Jalan Transfer-Jalan Hutton.

“Manakala, penyelesaian bukan struktur pula adalah dengan melantik perunding untuk membuat kajian serta reka bentuk terperinci di kawasan sering mengalami banjir kilat termasuk Bagan Jermal, Taman Lumba Kuda dan Jelutong,” ujarnya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akan saling bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menujuhan skuad pemantau operasi bencana banjir mengikut kawasan Parlimen, begitu juga di bahagian Seberang Perai.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota menjelaskan sedemikian sebagai menjawab soalan ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer di sini.

Masyhur Jalan Ahmad Nor demi kenang jasa - KM

Oleh: **ZAINUL FAQAR YAACOB**

SUNGAI PINANG – Jalan sambungan baru sepanjang 612 meter dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke persimpangan Jalan Jelutong, Jalan Perak dan Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim kini dimasyhurkan sebagai Jalan Ahmad Nor.



JALAN Ahmad Nor kini dibuka untuk umum.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, langkah pemasyhuran itu sebagai mengenang jasa Ahmad dalam membela nasib kaum buruh di negara ini.

"Allahyarham Ahmad Nor memiliki personaliti yang disukai ramai, di samping dapat komunikasi mudah dengan rakyat daripada

pelbagai kaum," katanya pada Majlis Perasmian Jalan Ahmad Nor di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim turut menyertai majlis pemasyhuran tersebut.

Guan Eng berkata, kegunaan Jalan Ahmad Nor itu diharap dapat mengurangkan risiko kesesakan lalulintas, khususnya pada waktu puncak.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng mempersoal kos pembinaan jalan tersebut yang dianggap mahal, bernilai RM24 juta yang terpaksa ditanggung oleh pemaju IJM Corp. Bhd..

Menurut beliau, caj utiliti seperti kerja-kerja pemindahan pelbagai kabel bawah tanah berjumlah hampir 30 peratus daripada



KETUA MENTERI menunjukkan papan tanda Jalan Ahmad Nor sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Perasmian Jalan Ahmad Nor di sini baru-baru ini.

keseluruhan kos projek Kerajaan Pusat tersebut terpaksa ditanggung oleh pemaju, akhirnya membazirkan dana awam rakyat juga.

Difahamkan, IJM Corp. Bhd. turut membiayai pampasan kepada 71 pemilik rumah, 86 keluarga dan 35 penyewa yang berjumlah RM6 juta.

Ahmad Nor dikenali sebagai aktivis kesatuan sekerja, pernah dipilih sebagai Presiden Kesatuan

CUEPACS pada sesi 1983 hingga 1986, serta pernah menjadi Presiden Peninsular Malaysia Customs Officers Union.

Beliau merupakan Ahli Parlimen Melayu DAP pertama selepas memenangi Pilihan Raya Umum pada tahun 1990 bagi kawasan Bayan Baru.

Ahmad Nor meninggal dunia pada 11 Februari 2003, semasa berusia 60 tahun.

Pasar Tanjung Bungah siap, Chowrasta pertengahan 2015

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar: **ALISSALA THIAN**

TANJUNG BUNGAH – Kerajaan Negeri akan terus komited meningkatkan infrastruktur asas kepada peniaga-peniaga kecil dalam menggalakkan pembangunan ekonomi setempat secara berterusan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada Majlis Perasmian Projek Naiktaraf Pasar dan Kompleks Makanan Tanjung Bungah di sini baru-baru ini.

Turut sama, Yang diPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Patahiyah Ismail, Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye dan Ahli-ahli Majlis MPPP.

Dalam ucapannya, Guan Eng menegaskan bahawa pembangunan infrastruktur kepada peniaga-peniaga kecil di negeri ini adalah sebahagian daripada inspirasi Kerajaan Negeri dalam membantu serta memenuhi kehendak dan permintaan masyarakat setempat.

"Misalnya di Tanjung Bungah yang merupakan kawasan tarikan pelancong berpotensi meningkatkan pendapatan peniaga-peniaga kecil

yang beroperasi di sini sekaligus memberi peluang kepada masyarakat setempat menikmati limpahan pembangunan ekonomi Pulau Pinang," ucapnya.

Guan Eng dalam itu berharap, dengan adanya penyediaan infrastruktur, peniaga-peniaga kecil terutamanya yang menyediakan makanan serta minuman yang dapat meningkatkan imej Kerajaan Negeri dengan menyediakan sajian tempatan berkualiti dan sedap.

Nada sama turut disuarakan Patahiyah yang berharap peniaga-peniaga kecil berkaitan dapat menjaga dan memanfaatkan sepenuhnya kemudahan-kemudahan disediakan.

Projek menaiktaraf Pasar dan Kompleks Makanan Tanjung Bungah menelan kos RM1.8 juta melibatkan pengecatan semula, penukaran bumbung dan pengadang aluminium kekal, pendawaian semula, penyusunan semula dan pembinaan ramp bagi kemudahan orang kurang upaya (OKU).

Sementara itu, dalam perkembangan lain, projek menaiktaraf fasa pertama Pasar



BANGUNAN Pasar dan Kompleks Makanan Tanjung Bungah di sini.



PANDANGAN Luar Pasar Awam Chowrasta yang dijangka siap pertengahan tahun 2015.



GERAI-GERAI makanan yang bersih dan selesa di Kompleks Makanan Tanjung Bungah.

Chowrasta di George Town dijangka lewat hampir tiga bulan dari tarikh dijadualkan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pasar yang dinaiktaraf pada April lalu sepatutnya dibuka kepada orang ramai Ogos lepas.

"Kerajaan Negeri difahamkan oleh kontraktor yang terlibat bahawa kelewatan berpunca dari kerja-kerja pengalihan kabel bawah tanah di sekitar tapak projek serta masalah-masalah teknikal lain.

"Fasa kedua hanya akan dimulakan selepas sebahagian peniaga dari tapak pasar lama dipindah masuk ke bangunan baharu November ini dan kita (Kerajaan

Negeri) menjangkakan ia yang dapat disiapkan sepenuhnya menjelang pertengahan tahun hadapan," katanya sejurus selepas mengadakan tinjauan ke tapak projek berkenaan yang bakal menyediakan 235 petak gerai dan 123 petak letak kereta.

Beliau memberitahu, Kerajaan Negeri turut bakal mempertimbangkan penalti sekitar RM7,500 sehari kepada kontraktor berkenaan sekiranya bangunan tersebut tidak dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan.

Tanah Air Itam, hanya rumah mampu milik dibenarkan - KM

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar: AHMAD ADIL MUHAMAD

BAYAN BARU – Syarikat pelaburan milik Kerajaan Pusat, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diminta agar berpegang pada janji iaitu hanya bina rumah mampu milik di atas tanah seluas 234 ekar di Air Itam, tegas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan sebuah akhbar tempatan yang menyatakan bahawa selain membina perumahan mampu milik, 1MDB juga bercadang menggunakan tanah tersebut untuk pembangunan lain bagi menjana nilai lebih tinggi di atas tanah dibeli ia tahun lalu.

Guan Eng menegaskan, Kerajaan Negeri hanya akan mempertimbangkan pembinaan rumah mampu milik sahaja di atas tanah tersebut seperti mana-mana



PARA kakitangan PDC menggayakan persalinan tradisional masing-masing.

dijanjikan pihak terbabit sebelum ini.

“Saya beri amaran dan ingin mengingatkan 1MDB agar berpegang pada janji-janjinya untuk membina 9,999 unit rumah mampu milik.

“Kerajaan Negeri tidak akan membenarkan ia membina selain daripada perumahan mampu milik.

“Untuk tujuan lain, bukan sahaja susah, tetapi sangat-sangat susah,” ujarnya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Deepavali anjuran Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Perancangan

Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Pengurus Besar



KETUA Menteri sambil ditemani Rosli Jaafar (dua dari kanan) memerhatikan Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kiri) menunjukkan replika cek sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali anjuran PDC di sini baru-baru ini.

PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Bagaimanapun, tambah Guan Eng, sehingga kini, Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang cadangan daripada 1MDB untuk membangunkan kawasan berkaitan.

Beliau berkata, syarikat tersebut berkemungkinan menghadapi kesukaran dalam menyelesaikan masalah penduduk setempat di atas tanah tersebut memandangkan ia membatikan kira-kira 3,000 keluarga.

“Kerajaan Negeri tak akan biarkan

penduduk-penduduk ini dipindahkan sewenangnya.

“Kita akan mengambil pendirian tegas jika penduduk setempat secara paksa diusir melalui cara keras,” tegas beliau.

Sebelum itu, pada majlis sama, Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih turut mengumumkan pelaburan di Pulau Pinang untuk tujuh bulan pertama mencecah RM4.6 bilion dan telah melebihi pelaburan bagi tahun keseluruhan sebanyak RM3.9 bilion tahun sebelumnya (2013).

Kafe Sains Pulau Pinang terbesar di Wisma Yeap Chor Ee

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN – Wisma Yeap Chor Ee yang dianggap sebagai salah satu ikon bandar warisan George Town akan dipajak selama 15 tahun kepada Kluster Sains Pulau Pinang (PCC) untuk dijadikan Kafe Sains Pulau Pinang terbesar di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, inisiatif terbaru itu diumumkan serentak dengan promosi Pameran Sains Antarabangsa Pulau Pinang yang berlangsung pada 15 hingga 16 November lalu di Pusat Pameran Antarabangsa Pulau Pinang (SPICE) dekat Bayan Lepas.

“Putus ini akan berfungsi sebagai ibu pejabat dan pusat tumpuan untuk Kluster Sains Pulau Pinang bagi memberikan yang terbaik untuk generasi muda Malaysia sebagai mengembangkan inspirasi serta minat inovatif mereka dalam bidang sains,” ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada sidang media di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Sumber Manusia dan Sains, Teknologi & Inovasi turut menyertai majlis tersebut.

Mereka menyaksikan majlis

tandatangan sub-pajakan antara Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar dan Ketua Pegawai Eksekutif PCC, Ooi Peng Ee serta Naib Presiden merangkap Pengurus Besar Keysight Technologies, Shidah Ahmad selaku peneraju utama Kafe Sains Pulau Pinang.

Pemegang Amanah Lembaga Amal dan Wakaf Yeap Chor Ee, Datuk Seri Stephen Yeap, Friiscor Ho (Pengarah Kejuruteraan Motorola), Datuk Yoon Leong Chon (Pengarah Urusan Bizwise Sdn. Bhd.) dan Chang Wing Mow (Ketua Pegawai Komunikasi PDC) turut menyaksikan majlis tersebut.

Katanya, mengikut Indeks Pemberdayaan Politik yang mengambil kira bilangan wanita di Parlimen, memegang jawatan menteri dan yang menjadi pemerintah negara, Malaysia hanya menduduki tangga ke-132 daripada 142 buah negara di ASEAN. Malah, Indonesia jauh mendahului Malaysia di tangga ke-86.

“Jika Malaysia ingin menyaangi Indonesia dan negara-negara demokrasi yang kian matang, seharusnya kerajaan meletakkan komitmen.

“Malaysia seharusnya meletakkan komitmen untuk meningkatkan perwakilan wanita dalam arena politik melalui satu tindakan yang konkret,” tegas beliau.

Oleh: YAP LEE YING
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

DALAM beberapa siri kunjungan penulis ke Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pinang Tunggal, tidak pernah terlintas ataupun dibawa melalui kawasan perkampungan masyarakat berketurunan Cina di sini.

Uniknya, dalam komuniti kecil tersebut, majoriti penduduk berketurunan Cina di Kampung Setoi, Pinang Tunggal merupakan petani.

Diperturunkan secara turun-temurun, ada yang telah memasuki generasi ke-empat, aktiviti yang menjadi sumber rezeki utama tersebut masih diteruskan anak-anak muda keluarga petani asal kawasan berkenaan.

Bagi Ooi Han Pore, 43, beliau mewarisi ilmu pertanian daripada ayah dan datuknya iaitu diperturunkan daripada empat generasi sebelum ini.

“Sebelum ini, saya bekerja dalam bidang pemasaran, tapi tak okay.

“Makan gaji kena tahan kerena orang. Lebih baik tanam sayur, asal rajin, pasti boleh hidup,” katanya pada sesi wawancara bersama-sama Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara baru-baru ini.

Dengan keluasan tanah seluas lapan ekar yang dimilikinya sendiri dan juga disewa, Han Pore mengusahakan pelbagai tanaman sayur secara bergilir-gilir. Ini termasuk sayur mayung, bendi, serai, peria, lada, jagung, kasturi, keladi dan lain-lain.

Tidak dinafikan, beliau menyatakan bahawa tidak ramai anak muda yang ingin menjadi petani.

“Mereka (golongan muda) terasa dipandang rendah dan menganggap petani adalah suatu kerjaya yang tidak glamour, tidak menguntungkan dan kotor.

“Bagi saya, cuma mereka yang tak tahu dan tak faham bidang ini (pertanian) sahaja yang merasakan

Berbakti kepada tanah janji kepuasan tersendiri

begitu.

“Menjadi petani ada kelebihannya, juga tidak semua yang mampu menjadi petani kerana bidang ini memerlukan minat serta kesabaran baru boleh buat,” katanya yang memiliki lapan adik-beradik.

Selain faktor cuaca, pasaran semasa sayur-sayuran merupakan cabaran yang perlu dihadapi golongan petani seperti Han Pore.

“Jika ramai yang tanam jenis sayuran sama, maka, pasaran akan jadi rendah. Ia bergantung kepada nasib dan perancangan kita,” jawabnya yang pernah kerugian kira-kira RM10,000 ekoran tanaman musnah ditutup angin kencang.

Setiap hari, beliau yang telah berpindah ke Sungai Petani, Kedah berulang-alik ke ladang sayur yang juga kampung kelahirannya. Rutin beliau adalah bermula seawal 7 pagi hingga 7 petang.

“Macam masuk office,” jawabnya yang dikurniakan tiga



cahaya mata sambil tersenyum.

Turut bersama pada sesi temubual tersebut adalah rakan Han Pore yang juga merupakan petani sepenuh masa.

Hanya berusia 33 tahun, Ng



OOI Han Pore memetik hasil jagung.



TANAMAN keladi yang diusahaikan.

merasakan bidang kerjayanya sebelum ini adalah penuh dengan tekanan.

“Tekanan bekerja di bandar dan juga kena report dengan bos tidak sesuai dengan saya. Saya lebih suka kehidupan di kampung,” katanya yang menjadi petani sepenuh masa sejak lima tahun lalu.

Berbeza daripada rakannya (Han Pore), minat Lean Hooi adalah lebih kepada tanaman berupa buah-buahan seperti jambu.

“Pengalaman ayah kira-kira 30 tahun mengusahakan tanaman jambu diturunkan kepada saya. Bagaimanapun, pada masa sama, saya turut mengusahakan tanaman sayur seperti bendi, kacang panjang dan keladi bergantung kepada pasaran.

Berdasarkan pengalaman, pokok buah yang paling susah ditanam adalah mangga dan keladi. Bagi tanaman keladi, berbanding dulu, tanaman tersebut kini perlu kerap disuntik ubat bagi mengelakkan daunnya kering dan berbau kecil,” jelas beliau tanpa mengetahui sebabnya ia berlaku sedemikian.

Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran, Lean Hooi menyatakan bahawa beliau memperoleh kepuasan dengan berbakti kepada tanah.

INFO :

Ooi Han Pore : 012 - 483 22152
Ng Lean Hooi : 012 - 431 8983



NG Lean Hooi menunjukkan isi keladi yang ditanam beliau.



POKOK-pokok jambu yang tumbuh subur.



TANAMAN jagung yang turut menjadi perusahaan utama.

Jangan takut memasak di tepi jalan – Chef Mohd. Danial Firdaus

BAGINYA, dunia Chef ini bukan hanya didominasi oleh golongan Hawa sungguhpun tanggapan awam sebegitu. Lihat sahaja kejayaan Redzuwan Ismail atau lebih dikenali sebagai Chef Wan seorang lelaki diiktiraf sebagai Chef selebriti Malaysia nombor satu di Asia.

Demikian respons awal anak teruna bernama Mohd. Danial Firdaus Shaharuddin, 21, dalam wawancara bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINUL FAQAR YAACOB**.

“Kalau masuk dapur masakan hotel, kebanyakannya bukan wanita.

“Macam Chef Wan pun, diiktiraf sebagai Chef nombor satu di Asia kerana bakatnya, bukan jantinya,” ujar Mohd. Danial Firdaus semasa diwawancara di gerai masakan Barat beliau, *Dhap's Deli's* di Kompleks Penjaja Medan Suri, Sungai Nibong di sini baru-baru ini.

Dalam usia muda, kini beliau mengakui bahawa kerjayanya sebagai Chef di Pulau Pinang adalah berbaloi.

MINAT

Menurut Mohd. Danial Firdaus, beliau minat dunia masakan sejak kecil lagi kerana berpeluang membantu emak dan nenek di dapur.

“Saya datang daripada famili yang suka memasak...memang ada resepi rahsia dalam keluarga seperti memasak roti jala.

“Resepi roti jala bukan untuk niaga dan hampir dua tahun juga saya mengambil masa untuk menyediakan resepi rahsia keluarga ini sesempurna masakan emak saya.

“Sejak kecil lagi, saya memang ada niat untuk membuka restoran masakan roti jala suatu hari nanti, niat ini yang mendorong saya untuk menjadi Chef.

“Suatu hari nanti, biar dunia tengok makanan tradisional kita seperti roti jala dihidangkan lebih baik dari makanan barat di seluruh dunia,” ujar beliau lagi.

SERTAI MASTER CHEF MALAYSIA

Mohd. Danial Firdaus selepas tamat pengajian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) turut menerima tawaran melanjutkan pengajian di Kolej Universiti KDU Penang dekat Jalan Anson.

Tetapi, beliau memilih untuk menyertai rancangan realiti televisyen, Master Chef Malaysia Musim Pertama 2012 demi memburu impianya untuk menjadi Chef profesional.

Dari itu, beliau bersyukur kerana berjaya mendapat didikan daripada Chef Zubir Md. Zain.

“Lima enam tahun dulu, bidang Chef ini mungkin pilihan akhir di Universiti sendiri, tetapi rancangan seperti Chef Selebriti Malaysia seakan telah mengubah tanggapan awam mengenai prospek Chef di tanah air belakangan ini.

“Rancangan televisyen seperti ini pun lahir kerana banyak Chef anak kelahiran Malaysia berjaya mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

“Di luar negara, dunia kulinari sangat diiktiraf, sampai ada yang menganggap gelaran Chef macam suatu anugerah ‘Mayor’ (Datuk).

“Saya mula minat masakan Barat pun kerana saya minat masakan ‘Sifu’ saya, Chef Zubir Md. Zain, iaitu salah seorang juri rancangan realiti masakan, Chef Selebriti Malaysia dalam tempoh tiga tahun ini.

“Beliau merupakan salah seorang Chef Kapten yang mewakili Malaysia ke (kejohanan) *Culinary World Cup*.

Macam Chef Zubir, keistimewaan dalam masakan Barat dan bakat masakan beliau ini sukar dijangka.

“Sampai ada Mat Saleh kata ‘He is born to cook’ dan apa sahaja yang dia sentuh (memasak) memang



MOHD. DANIAL FIRDAUS SHAHARUDDIN (KANAN) bersama-sama rakan kongsinya. (Sumber : Internet).

menjadi...beliau pada usia mudanya beberapa kali membawa pulang medal Emas dari Moscow dan juga Australia,” ujarnya.

Menurut Mohd. Danial Firdaus, kekuatan seseorang Chef terletak pada kepakaran beliau memasak satu-satu resepi sama ada dari Barat atau masakan tradisional tertentu.

“Yang kita kenal Chef Wan antara yang pakar dalam masakan tradisional Malaysia, tetapi ramai yang tidak tahu ada anak Melayu seperti ‘Chef Jasman’ antara Chef Eksekutif di atas Kapal Layar Queen Elizabeth,” tambah beliau.

SUKA DUKA

Mohd. Danial Firdaus berkata, beliau tidak pernah menyalahkan pandangan awam yang mengatakan bahwa bidang kulinari dan Chef adalah bukan bidang akademik pilihan utama di negara ini.

terletak pada resepi mereka, sebab itu di Eropah, semua menu didaftar sebagai hak milik eksklusif seseorang Chef.

“Kalau di Eropah, kalau saya minat menu *Chicken Chop* seorang Chef umpamanya, macam saya perlu beli *player bola*. Tak boleh mencuri menu Chef tersebut begitu sahaja.

“Maka, saya perlu bayar royalti untuk menu Barat tersebut kepada Chef mereka.

“Di Malaysia bukan tidak ada semua ini, tetapi bidang kulinari di negara ini tidak sampai ke tahap itu seperti dunia kulinari di Eropah,” jelas beliau.

Bagaimanapun, katanya, ada pro dan kontra di sebalik usaha pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menguatkuasa peraturan terbaru tersebut.

HARAPAN

“Masakan tepi jalan merupakan salah satu masakan yang cukup enak di Pulau Pinang, tapi kalau saya nak mencari kedudukan dalam dunia masakan yang lebih tinggi, saya sendiri akan pergi ke Kuala Lumpur.

“Hotel di Pulau Pinang memang banyak, tetapi di Kuala Lumpur lebih banyak, maka persaingan di Kuala Lumpur lebih banyak.

“Sesetengah orang takut dengan persaingan, tetapi saya suka persaingan lebih banyak agar saya lebih berusaha untuk melakukan yang lebih baik.

“Chef yang ada ‘nama’ kalau di Pulau Pinang lebih baik buka di tepi jalan kerana mentaliti kebanyakan orang Pulau Pinang percaya makanan di tepi jalan lebih sedap.

“Jangan rasa dihina kerana buka kedai makan di tepi jalan seperti *Dhap's Deli's* ini, kerana ketinggian seorang Chef itu terletak pada bakatnya dalam masakan.

“Ke depan ini, saya memang nak membuka lebih banyak *Dhap's Deli's* di astaka-astaka kecil di sekitar Pulau Pinang seperti ini, jika nak ‘naik’ (maju) kelak,” jelasnya lanjut.

Kejayaan dalam industri makanan di Pulau Pinang, menurutnya, akhirnya tergantung pada rezeki yang ditentukan Allah.

“Jangan takut memasak di tepi jalan, kerana banyak yang berjaya sebagai Chef yang saya temui memang ada menjual bakatnya bermula di tepi,” kata Mohd. Danial Firdaus mengakhiri sesi wawancara.



AKSI ketika menyertai rancangan realiti televisyen, Master Chef Malaysia Musim Pertama 2012. (Sumber : Internet).

Larangan tukang masak asing, buka peluang rakyat tempatan

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : ALISSALA THIAN

GEORGE TOWN – Larangan warga asing memasak dan menyediakan hidangan tempatan secara tidak langsung dapat merangsang generasi muda dan rakyat tempatan menceburkan diri dalam bidang tersebut, kata Pengurus Jawatankuasa Kesihatan Awam Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ong Ah Teong di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, penguatkuasaan tersebut dilihat mampu mengekalkan kualiti dan rasa hidangan tempatan agar kekal asli.

“Secara tidak langsung, ia dapat membuka lebih banyak peluang kepada rakyat tempatan untuk menceburkan diri dalam bidang tersebut

dan meningkatkan pendapatan masing-masing,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran di sini baru-baru ini.

Baru-baru ini, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow mengumumkan bahawa hasil tinjauan yang dijalankan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu MPPP dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Kerajaan Negeri membuat keputusan muktamad untuk hanya membenarkan tukang masak warganegara memasak makanan tempatan di negeri ini.

Peraturan tersebut bagaimanapun hanya tertakluk kepada penjaja yang menerima lesen daripada pihak PBT sahaja.

Malah, Kerajaan Negeri akan memberi tempoh peralihan dan melaksanakan



ONG Ah Teong (tengah, bertali leher putih) ditemani beberapa Ahli Majlis MPPP yang lain pada sesi sidang media di sini baru-baru ini.

penguatkuasaan tersebut secara berperingkat iaitu dalam tempoh setahun.

Menurut Ah Teong, makanan di Pulau Pinang mendapat permintaan baik dan kukuh sama ada daripada warga tempatan maupun pelancong.

“Mereka yang diberikan lesen oleh Majlis seharusnya menggunakan platform tersebut untuk mengendalikan gerai makanan sendiri, bukannya serahkan lesen pengendalian kepada warga asing,” tegasnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu,

Persatuan Penjaja Pulau Pinang turut menyokong langkah Kerajaan Negeri yang melarang warga asing daripada menyediakan hidangan tempatan.

“Sokongan tersebut menunjukkan bahawa kritikan oleh (parti) Gerakan Pulau Pinang terhadap Kerajaan Negeri berhubung perkara tersebut adalah terpencil.

“Jika mereka (Gerakan) tidak berpuas hati, kita boleh sama-sama turun padang ke tapak penjaja dan mendapatkan maklum balas mereka (penjaja) sendiri,” seru beliau.

Anugerah Sekolah Hijau pupuk kesedaran generasi muda

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

GEORGE TOWN – Anugerah Sekolah Hijau 2014 peringkat pulau yang dilancarkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) adalah sebagai landasan untuk mendidik dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar agar turut menyumbang ke arah mencapai matlamat Pulau Pinang lebih Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, inisiatif ke arah pencapaian matlamat tersebut terletak pada kerjasama semua pihak iaitu sektor kerajaan, swasta dan masyarakat.

“Tanggungjawab menjaga kebersihan selalunya dilihat sebagai tanggungjawab pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Ini sebenarnya tidak tepat, ia tanggungjawab bersama.

“Isu-isu alam sekitar global seperti kehilangan biodiversiti, kemerosotan sumber asli, pemanasan global, penipisan lapisan ozon, penebangan hutan yang berleluasa serta pelbagai masalah pencemaran alam sekitar merupakan isu-isu semakin meruncing dan meningkatkan cabaran dalam pengurusan alam sekitar.

“Dengan adanya program seperti ini di peringkat sekolah, kesedaran mengenai alam sekitar dapat dipupuk dalam kalangan generasi muda yang akan mewarisi alam ini,” ujarnya



CHOW Kon Yeow (tiga dari kiri) bersama-sama wakil-wakil pelajar dan guru Sekolah Kebangsaan Sungai Rusa menunjukkan replika cek kemenangan mereka pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2014 Peringkat Pulau di sini baru-baru ini.

pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2014 Peringkat Pulau di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa, Mohamed Akbar Mustapha serta Ahli-ahli Majlis MPPP.

Bagi kategori sekolah rendah, Sekolah Kebangsaan Sungai Rusa muncul Johan keseluruhan bagi Kategori Sekolah Rendah 2014. Kejayaan tersebut membolehkan pihak terbabit membawa pulang sijil penghargaan dan wang tunai bernilai RM2,000. Naib Johan, Sekolah Kebangsaan Pulau Betong (RM1,500).

Dalam pada itu, Sekolah Menengah Kebangsaan (L) Methodist dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan bagi kategori Sekolah Menengah 2014 dan turut memenangi Anugerah Khas Kebersihan dan Kehijauan dengan membawa pulang sijil penghargaan dan wang tunai RM2,000.

Naib Johan, Sekolah Menengah Kebangsaan (P) St. George (RM1,500) yang turut menerima Anugerah Khas kategori Penglibatan Komuniti.

Naiktaraf jejantas sotong jangka siap tempoh 9 bulan

Gambar : LAW SUUN TING

GEORGE TOWN

– Kerja-kerja penaiktarafan jejantas pejalan kaki atau lebih dikenali jejantas sotong terletak di persimpangan Jalan Penang, Jalan Burma serta Jalan Dr. Lim Chwee Leong akan dimulakan secepat mungkin dan dijangka siap dalam tempoh sembilan bulan.

Perkara tersebut diumumkan Ahli Majlis merangkap Pengurus Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Lalu Lintas Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Muhammad Sabri Md. Osman ketika membentangkan keputusan mesyuarat Bilangan 10, Tahun 2014 di sini baru-baru ini.

“Penaiktarafan ini adalah bagi meningkatkan keselesaan penduduk sekitar dan pejalan kaki terutamanya.

“Di antara kerja-kerja yang akan ditambahbaik ialah pemasangan lif, tangga bergerak (escalator), bumbung serta kerja-kerja berkaitan jejantas.

“Turut tersenarai adalah penyelenggaraan lif dan tangga bergerak sepanjang tempoh penajaan pihak syarikat bertanggungjawab iaitu Ensignia



PANDANGAN atas jejantas sotong yang terletak di persimpangan Jalan Penang, Jalan Burma serta Jalan Dr. Lim Chwee Leong.

Construction Sdn. Bhd. (Ensignia, anak syarikat penuh milik IGB Corporation Berhad selama 25 tahun,) ujarnya sambil menjelaskan bahawa MPPP bakal membayai kos elektrik jejantas berkenaan.

Muhammad Sabri memberitahu, Ensignia memperuntukkan kira-kira RM6.1 juta bagi pelaksanaan projek berkaitan.

Bagi aspek pengiklanan dalam tempoh sama iaitu 25 tahun, beliau menyatakan bahawa MPPP berhak mendapat pulangan balik sebanyak lima peratus daripada pendapatan pengiklanan tersebut.

“Ruang pengiklanan mestilah diperuntukan kira-kira 20 peratus daripadanya untuk pesanan-pesanan kerajaan.

“Pencahayaan pengiklanan ini bukan di bawah tanggungan majlis, sebaliknya dibayai penaja,” jelas beliau.

SMK Sri Muda, SK Kebun Sireh juara Pertandingan Sek. Hijau 2014

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**
Gambar : **NAZLEEN NAJEEB**

PERAI – Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Muda dan Sekolah Kebangsaan (SK) Kebun Sireh diumum sebagai juara Pertandingan Sekolah Hijau Pulau Pinang 2014 Peringkat Seberang Perai, dengan masing-masing membawa pulang tunai RM2,000, sijil penyertaan serta piala.

Exco Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, pemberian insentif berjumlah RM31,800 kepada 106 sekolah yang menyertai pertandingan tahunan itu diharap dapat memungkin usaha Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang bersih.

“Peruntukan yang diberi menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri bagi menjadikan Pulau Pinang lebih Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat sebagai realiti,” ujarnya pada Majlis Anugerah Pertandingan Sekolah Hijau 2014 Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato’ Maimunah Mohd. Sharif dan Ketua Pegawai Eksekutif

Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd. (Continental) sebagai penaja utama, Yen Siew San turut hadir pada majlis tersebut.

Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu berkata, pihaknya berharap lebih banyak lagi sekolah akan menyertai pertandingan tersebut pada tahun depan.

Dalam pada itu, Maimunah dalam



PARA pelajar dan guru SK Kebun Sireh bergambar kenangan selepas diumumkan sebagai Juara pertandingan.



PHEE Boon Poh (depan, empat dari kanan) dan Maimunah Mohd. Sharif (depan, tiga dari kanan) bersama-sama sekumpulan pelajar menunjukkan tanda bagus berhubung penganjuran Pertandingan Sekolah Hijau Pulau Pinang 2014 Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.

ucapannya berkata, MPSP amat komited untuk menerapkan program sisa sifar dan amalan 4R (*Rethink, Reduce, Reuse & Recycle*) dalam kalangan generasi muda Seberang Perai.

“Saya amat berbangga kerana usaha yang dijalankan ini adalah tidak sia-sia dengan lebih banyak sekolah telah menyertai pertandingan dan berharap akan ada peningkatan di tahun hadapan.

“Walaupun hanya bermula dengan penyertaan 30 buah sekolah sahaja pada tahun 2010, tetapi kini ia telah berkembang menjadi 106 sekolah,” ujar Maimunah.

Dalam perkembangan sama, Continental turut menyediakan hadiah berupa RM21,600 tunai kepada 38 sekolah yang memenangi pertandingan tersebut baru-baru ini.

Kes gondol baru, arah MPPP siasat

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Shariful Azhar Othman sekali lagi mendedahkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang mengenai dua aktiviti penggondolan bukit yang dikatakan kes terbaru, sama seperti pendedahannya sebelum ini dekat Bukit Gambir.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dalam kenyataannya berkata, beliau sendiri tidak tahu mengenai dua kes terbaru tersebut.

Bagaimanapun, beliau dalam sidang DUN baru-baru ini menjelaskan bahawa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telahpun menyiasat serta mengenal pasti pihak terbabit yang menggondolkan kawasan Bukit Gambir

sebelum ini, lalu, mengenakan denda berjumlah RM30,000.

“Saya sendiri tidak tahu bahawa ada dua lagi kawasan di bukit sama baru digondolkan, tetapi, saya akan mengarahkan MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) untuk menyiasat dua kes yang didedahkan oleh ADUN Bertam,” ujarnya yang juga ADUN Padang Kota Kota pada sedang media bersama Shariful Azhar di sini baru-baru ini.

Pada Julai tahun lepas, Kon Yeow dalam sesi persidangan DUN mendedahkan bahawa seorang ahli korporat bergegar ‘Tan Sri’ terlibat dalam aktiviti penggondolan Bukit Gambir terdahulu.

Bagaimanapun, beliau menafikan ‘Tan Sri’ berkenaan dirujuk kepada mahkamah, sebagaimana dilaporkan sebuah akhbar harian berbahasa Cina semasa itu.



SHARIFUL Azhar Othman (kanan) menunjukkan beberapa bukti bergambar kepada Chow Kon Yeow mengenai dakwaan beliau berhubung dua kes penggondolan terbaru seperti di Bukit Gambir sebagaimana dirakam pada 13 Oktober lepas di sini.

Sambutan Deepavali sederhana penuh bermakna

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

Gambar : LAW SUUN TING & CHAN LILIAN

MUAFAKAT... Sambutan perayaan Deepavali yang juga dikenali sebagai Pesta Cahaya disambut secara sederhana dan penuh bermakna dalam suasana perpaduan rakyat berbilang bangsa di negeri ini.

Di Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Putih, sambutan perayaan utama bagi pengikut beragama Hindu diraikan dalam majlis rumah terbuka, Majlis Perayaan Deepavali 2014 bersama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih tidak ketinggalan menyalakan ‘kutthuvilakku’ atau pelita sebagai simbolik perpaduan dan kejayaan pengajuran majlis rumah terbuka tersebut.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Dalam ucapannya, Guan Eng menyeru agar semua rakyat dapat bersatu tanpa mengira latar belakang demikemajukan dan kesinambungan perpaduan rakyat.

Manakala di Seri Delima, sambutan yang diadakan di Taman Buah Pala cukup meriah dengan kehadiran Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ram Karpal



R.S.N. Rayer (kanan) berjabat tangan dengan Mohd. Rashid Hasnon yang turut hadir menyeriakan majlis yang diadakan.



SALAH seorang pengunjung cilik yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali DUN Seri Delima.

Singh Deo.

Turut sama, isteri kepada mendiang Karpal Singh, Gurmit Kaur dan isteri kepada ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer iaitu S. Komala.

Rayer ketika ditemui berkata, semangat kemauafakan dan keharmonian pelbagai kaum harus dikekalkan bukan sahaja menerusi tradisi rumah terbuka, tetapi juga sikap bertoleransi.

Selain jamuan makan, pengunjung turut dihiburkan dengan persembahan kesenian tarian klasik India. Seramai 50 kanak-kanak menerima ‘duit raya’ yang disampaikan oleh Rayer dan Ram Karpal.

Sementara itu, di Air Itam, lebih 300 orang dari pelbagai bangsa dan lapisan masyarakat



KETUA Menteri beramah-mesra dengan golongan kanak-kanak yang membuat persembahan pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Timbalan Ketua Menteri I.



RAM Karpal (depan, kiri sekali) berjabat tangan dengan sebahagian pengunjung yang hadir pada majlis sambutan di Taman Buah Pala.

hadir ke majlis sumbangan dan jamuan sempena Deepavali di Kampung Melayu dekat sini.

ADUNnya, Wong Hon Wai

turut meluangkan masa menyampaikan 50 hamper kepada masyarakat India yang kurang berkemampuan di sini.



WONG Hon Wai (kiri sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima.



SEBAHAGIAN pengunjung menjamu selera pada Majlis Perayaan Deepavali 2014 bersama Ketua Menteri DUN Air Putih di sini baru-baru ini.

Naik harga minyak menjelang Deepavali ‘berita buruk’ – MP

Oleh: **ZAINUL FAQAR YAACOB**

MACHANG BUBUK – Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong menyifatkan kenaikan harga minyak RON95 dan diesel sebanyak 20 sen menjelang perayaan Deepavali sebagai berita buruk bagi seluruh rakyat, khususnya pengikut agama Hindu.

“Tahun lepas menjelang Deepavali, dia (Kerajaan Pusat) menaikkan harga gula, tahun ini, sebelum Deepavali dia (Kerajaan Pusat) menaikkan harga petrol pula,” ujarnya pada program ziarah dan memberi sumbangan baucar RM50 kepada 52 pengikut Hindu terpilih di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel

dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Alma, Mejari (B) Mustafa Ariffin turut serta dalam program turun ke desa

N. Nadharaja.

berkenaan. Menurut Chee Keong, dasar Kerajaan Pusat menaikkan harga minyak sekaligus akan meninggalkan kesan berantai seperti kos sara hidup melambung naik.

Justeru, baginya, pemberian baucar RM50 kepada semua penerima adalah lebih diperlukan daripada mengadakan majlis rumah terbuka seperti tahun-tahun sebelum ini.

“Selalunya, mereka datang ke rumah terbuka yang kita anjurkan,

N. Nadharaja.

R. Mageswari.

tetapi, kali ini kita pula ke rumah mereka.

“Saya rasa pemberian baucar bernilai RM50 ini lebih baik kerana penerima boleh membeli apa yang benar-benar mereka perlukan,” jelasnya.

Salah seorang penerima terpilih, D. Devasagayam, 60, berkata, kesemua wakil rakyat Pakatan Rakyat seharusnya lebih tegas memprotes kenaikan harga minyak di Dewan Rakyat supaya dasar Kerajaan Pusat lebih



STEVEN Sim Chee Keong (tiga dari kanan) dan Lee Khai Loon (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan baucar kepada salah seorang penerima pada program ziarah di sini baru-baru ini.

menguntungkan rakyat.

“Kalau boleh harga minyak ini tidak naik kerana apabila harga minyak naik, harga barang-barang keperluan rumah semua pasti naik (seperti) harga gas masak pun naik,” kata beliau.

Nada sama turut diluahkan M. Nadharaja, 37, pekerja swasta.

“Semua barang sudah naik harga dan kita nak raya (Deepavali) cukup terasa susah.

“Gaji tak naik, tetapi harga barang terus naik... lagi baik pembaziran dihentikan dulu daripada potong subsidi minyak,”

seru Nadharaja.

Bagi R. Mageswari, 48, yang merupakan suri rumah sepenuh masa pula, beliau berkata, perbelanjaan sempena perayaan Deepavali tahun ini lebih dikawal ekoran kenaikan harga minyak serta barang keperluan asasi.

“Apabila semua barang keperluan rumah cukup mahal, memang terasa tak syok raya (Deepavali) tahun ini,” ujarnya.

Terdahulu, harga runcit terbaru seliter RON95 dan diesel mulai 3 Oktober lepas masing-masing naik menjadi RM2.30 dan RM2.20.

Peta laluan perkhidmatan bas bagi kemudahan ramai

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar: **MARK JAMES**

PULAU TIKUS – Sebanyak 10,000 peta laluan perkhidmatan bas Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) diedarkan di alam usaha mempromosikan Pulau Tikus sebagai lokasi pelancongan menarik.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, peta laluan perkhidmatan bas atau lebih dikenali sebagai peta *Pulau Tikus Loop* akan diedarkan di sekitar sini termasuk pusat-pusat membeli-belah, kedai makanan serta minuman dan beberapa lokasi tumpuan umum sekitar Pulau Pinang.

Jelasnya, peta laluan perkhidmatan bas terbaharu itu adalah bagi kemudahan orang ramai khususnya para pelancong sebagai panduan ketika melancong ke negeri ini.

“Pulau Tikus juga tidak kurang hebatnya kerana mempunyai beberapa tempat pelancongan menarik yang menggabungkan kepelbagaiannya budaya dan kepercayaan.



YAP Soo Huey (kiri) menerangkan kandungan peta *Pulau Tikus Loop* kepada pemilik salah sebuah kedai makanan dan minuman di Jalan Cantonment di sini baru-baru ini.

“Melalui peta ini, pengunjung tidak perlu bimbang untuk bergerak sama ada dalam kawasan Pulau Tikus maupun di luar kawasan sini kerana ia menunjukkan secara terperinci laluan bas berserta nombor serta destinasi,” katanya sejurus selepas mengedarkan peta tersebut di beberapa buah kedai makanan dan minuman sekitar Jalan Cantonment di sini baru-baru ini.

Soo Huey memberitahu, risalah itu merupakan peta komprehensif pertama di Pulau Pinang dengan mengekalkan integriti bagi memastikan setiap laluan perkhidmatan bas dan produk-produk pelancongan di Pulau Tikus benar-benar wujud di tapak sebenar.

OKU cemerlang akademik peroleh perhatian ADUN

Gambar: **LAW SUUN TING**

PAYA TERUBONG – Walaupun dilahirkan sebagai orang kurang upaya (OKU) bisu dan pekak, ia tidak pernah menjadi penghalang buat How Kai Xiang, 19, untuk cemerlang dalam bidang akademik.

Penuntut fotografi di YES Academy, Kuala Lumpur tersebut bukan sahaja berhasrat untuk menamatkan pengajiannya di peringkat diploma, malah juga melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda suatu hari nanti.

Baru-baru ini, semangat dan kecekalan Kai Xiang berjaya memperoleh perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin yang mengadakan lawatan khas ke kediaman beliau di Taman Terubong Indah di sini.



YEOH Soon Hin (tengah) menyampaikan cek sumbangan kepada How Kai Xiang (dua dari kanan) sambil ditemani bapanya (kanan sekali) serta jurubahasa pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.



HOW Kai Xiang menunjukkan piala dan pingat yang pernah dimenanginya.

yang juga mengalami masalah pendengaran dan percakapan sejak lahir.

Dalam kunjungan itu, selain beramah-mesra, Soon Hin turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM1,000 sebagai suntikan semangat kepada pelajar istimewa terbabit.

“Saya bersimpati, tetapi pada masa sama sangat kagum dengan semangat ditonjolkan Kai Xiang untuk memperoleh kejayaan.

Kai Xiang merupakan anak tunggal pasangan How Teik Cheang, 52 dan Poon Goet Ngoh, 46,

“Semangat untuk berjaya inilah yang perlu ada pada setiap insan,” katanya melalui perantaraan jurubahasa di sini.

Menggalakkan Perkembangan Industri Kecil & Sederhana (IKS)

- Membangunkan IKS menggunakan 3 pendekatan iaitu penubuhan i) Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan IKS Pulau Pinang (*Penang SME Market Advisory, Resource & Training - Penang S.M.A.R.T Centre*), ii) Pusat IKS Pulau Pinang RM40 juta (*Penang SME Centre*) sebagai pemangkin SME baru dan iii) Perkampungan IKS Pulau Pinang di Batu Kawan (*Penang SME Village*) untuk kilang-kilang SME.



Meningkatkan Potensi Industri Pelancongan dan Warisan

- Jalankan projek-projek mesra alam sekitar bernilai RM15 juta di Bukit Bendera dan merancang projek kereta kabel menghubungkan Taman Belia ke Bukit Bendera serta Teluk Bahang ke Bukit Bendera. Belanja dianggarkan RM250 juta dan Kerajaan Negeri akan meminta bantuan daripada Kerajaan Persekutuan.
- Peruntukan RM27 juta disediakan berbanding RM24 juta (2014) bagi memastikan kelangsungan projek-projek dan program-program tarikan pelancongan dan warisan bagi tahun 2015.



Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar

- Menyediakan peruntukan RM1.8 juta untuk pembiayaan pengurusan program-program alam sekitar.
- Peruntukan dinaikkan sebanyak RM10 juta untuk menangani banjir iaitu daripada jumlah RM13.9 juta kepada RM23.9 juta.



Menyediakan Persekitaran Kondusif Bagi Pelaburan Luar

- Pelaburan langsung asing (*foreign direct investment - FDI*) bagi tempoh 2008 hingga Julai 2014, RM30.2 bilion.
- RM4.6 bilion projek pembuatan telah diluluskan untuk Pulau Pinang (Januari - Julai 2014) yang melebihi jumlah pelaburan keseluruhan tahun 2013 sebanyak RM3.91 bilion - MIDA
- Kadar pengangguran paling rendah di Malaysia, 1.7% berbanding purata nasional 3.2% pada 2013. Pulau Pinang kekurangan 20,000 pekerja.

Menyediakan Persekitaran Pendidikan Yang Kondusif (ESTEEM)

- Membina Pusat Pembelajaran di semua daerah bagi menggalakkan pembelajaran berterusan di pelbagai peringkat umur.
- Penekanan kepada 4 bidang utama iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan (*Engineering*) dan Matematik (*STEM*). Tambahan Bahasa Inggeris dan *Engagement Teaching*.



Memartabatkan Agama Islam

- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang diiktiraf di dalam *The Malaysia Book of Records* sebagai "First State Islamic Religious Department to Receive MS1900:2005 (QMS - Requirements From Islamic Perspectives)" dan berjaya menerima Anugerah Cemerlang di atas pencapaian penarafan Lima Bintang dalam *Malaysia Government Portals & Websites Assessment 2013*.
- Peruntukan tahun depan untuk hal ehwal agama Islam adalah sebanyak RM57.88 juta.



Ekonomi Negeri

- KDNK meningkat daripada RM39.2 bilion pada 2005 kepada RM62.6 bilion (2013) iaitu peningkatan 6% setahun.

MELABUR DALAM PEND MEMENANGI MASA D



Keselamatan Awam

- Pertambahan 56 CCTV oleh MPSP dengan jumlah keseluruhan kamera CCTV ditempatkan di seluruh Seberang Perai meningkat kepada 110 unit.
- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga akan menyumbang sebanyak 20 unit CCTV kepada MPSP pada hujung tahun 2014 menjadikan keseluruhan berjumlah 130 unit. Kerja-kerja pemasangan CCTV di Seberang Perai melibatkan perbelanjaan sebanyak RM9.8 juta keseluruhannya.



Pengangkutan Awam Yang Cekap

- Sedang melaksanakan projek *Mobile App* dikenali sebagai *Penang Intelligence Traffic and Transport System (PiTTs)* bagi membolehkan pengguna mengetahui maklumat pengangkutan awam, keadaan lalu lintas semasa dan pelan jalan ke semua lokasi.
- Pelaksanaan projek *Penang Hop On Hop Off (HOHO)*.



Program Perumahan untuk Rakyat

- Memperuntukkan dana RM500 juta untuk membina 22,545 unit perumahan mampu milik (*Affordable Housing Scheme - AHS*) di lima daerah dengan tawaran harga antara RM42,000 hingga RM400,000.
- Usaha membaik pulih perumahan kerajaan (melibatkan 15,431 unit rumah) diteruskan dengan RM15.11 juta diperuntukan untuk kerja-kerja menaiktaraf dan penyelenggaraan berbanding RM11.3 juta (2014).
- Memperuntukkan RM2.09 juta untuk Program Pembangunan Rumah Rakyat Termiskin (Bina Baru dan Baiki).



Meningkatkan Infrastruktur & Kemudahan Asas

- Sejumlah RM32.7 juta disediakan khususnya membabitkan 6 projek pembinaan dan menaiktaraf jalan dengan anggaran kos berjumlah RM86.3 juta.